

**UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS JAMUAN TAHUNAN KEMENTERIAN TENAGA, KOMUNIKASI
& MULTIMEDIA DENGAN INDUSTRI
DI RENNAISSANCE HOTEL
3 APRIL 2000**

Saudara-saudari

1. Setahun yang lalu, saya telah berucap di majlis jamuan tahunan kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia bersama industri. Sekali lagi, pada malam ini, saya diberi penghormatan untuk bersama-sama dalam majlis yang amat murni tujuannya.

2. Saya kira tiada siapa dalam dewan ini yang belum pernah mendengar istilah k-economy mahupun k-society. Kedua-dua istilah ini merupakan fenomena global yang ketara dalam alaf baru ini.

3. Di Malaysia, pihak kerajaan dan swasta telah sedar akan fenomena global ini dan telah mengambil beberapa inisiatif untuk membawa transformasi ekonomi negara ke arah ekonomi berasaskan ilmu.

Pertama: ucapan belanjawan 2000 menegaskan perlunya transformasi ke k-economy dan memutuskan untuk mewujudkan suatu pelan induk k-economy atau k-economy master plan.

Kedua: di kalangan swasta di Malaysia, bilangan pengusaha dan pendekatan baru berlandaskan internet telah meningkat secara mendadak. Ini menggambarkan kesedaran dan kesediaan pihak swasta di negara ini untuk menceburi dan melabur dalam bidang ini.

Ketiga: beberapa usaha telah dimulakan untuk membangkitkan kesedaran rakyat serta melengkapkan mereka bagi menghadapi proses transformasi ini. Contohnya, kempen pemilikan komputer peribadi, pinjaman mudah untuk pembelian komputer, dan juga kebenaran mengeluarkan caruman kwsp untuk pembelian komputer bagi mereka yang mempunyai anak di institusi pengajian tinggi.

Saudara-saudari,

4. Ketiga-tiga inisiatif yang telah dimulakan itu sebenarnya tidaklah menyimpang daripada inisiatif kerajaan sebelum ini. Contohnya, pembangunan MSC dan ketujuh-tujuh flagshipsnya merupakan usaha kerajaan menyediakan landasan dan kemudahan bagi mempercepatkan transformasi ke arah k-economy. Selari dengan perkembangan global, syarikat dan usahawan tempatan juga mencari tempat masing-masing. Ini dapat dilihat melalui pengstrukturkan semula perniagaan, perkongsian strategik dan juga pelaburan baru.

5. Dalam usaha kita menjayakan transformasi ini, kita perlu bertanya kembali apakah matlamat kita? Bagi saya, matlamat itu amat jelas. Dalam apa jua usaha mengejar pembangunan untuk mana-mana sektor mahupun industri, matlamat akhirnya ialah kesejahteraan rakyat, kejayaan ekonomi, peningkatan keadaan socio-

ekonomi dan perpaduan negara. Dengan demikian, dalam kita bergerak ke arah k-economy, dengan segala kecanggihan yang dijanjikan oleh era digital, dan masyarakat terhubung atau "connected society" matlamat unggulnya ialah mewujudkan masyarakat yang makmur, maju dan bersatu padu. Inilah agenda nasional kita.

6. Kesejahteraan negara perlu bertunjangkan kemajuan ekonomi dan pengumpulan harta atau creation of wealth. namun, pengumpulan harta bukan semata-mata bererti pengumpulan harta material sahaja, tetapi juga pengumpulan harta intelektual dan kerohanian. Inilah yang akan menjamin kualiti kehidupan. Sehubungan itu, salah satu cabaran utama dalam era digital ialah pemupukan nilai yang murni dan sikap yang positif. Lebih kritikal lagi ialah keupayaan kita untuk mengekal dan mengukuhkan disiplin, budaya dan identiti.

7. Setakat ini, kita dapat berbangga bahawa negara kita telah mencapai kemajuan ekonomi tanpa kehilangan identiti, budaya dan semangat perpaduan. Untuk proses transformasi seterusnya, kita perlu memastikan kekuatan ini tidak akan tergugat.

8. Di samping ini, kita harus memberi tumpuan kepada proses membina keupayaan atau capacity building. Ini bermakna bahawa dasar-dasar strategik yang sedang disediakan mesti memberi keutamaan kepada langkah-langkah yang boleh mengukuhkan daya saing ekonomi dan produktiviti pekerja-pekerja tempatan.

Saudara-saudari,

9. Bagaimanakah cara kita hendak mencapai matlamat ini? Penyediaan infrastruktur yang sempurna untuk rakyat adalah cara utama untuk mencapai matlamat ini. sama ada infrastruktur pengangkutan, tenaga, mahupun komunikasi dan multimedia, perlu diteruskan dan dipertingkatkan.

10. Ini tidak bermakna soft infrastructure tidak perlu dibangunkan. Soft infrastrucure yang dimaksudkan ialah pembangunan peribadi atau personal development, yang merangkumi pendidikan seumur hidup. Pembelajaran bukan sahaja bermaksud mempelajari sesuatu yang baru, tetapi juga meninggalkan kaedah dan amalan yang tidak lagi sesuai.

11. Soft infrastructure juga bererti mewujudkan persekitaran atau environment yang dapat menggalakkan kreativiti, inovasi, serta cultural sensitivity. Persekitaran ini juga harus menghasilkan masyarakat yang berpandangan jauh dan berwawasan.

12. Oleh itu, kerajaan akan terus menerajui usaha-usaha pembangunan infrastruktur dan pembangunan masyarakat. Ke arah ini, kerajaan memerlukan sokongan dan kerjasama pihak industri dan rakyat untuk bersama menjayakan matlamat negara.

13. Bagi mencapai agenda nasional mewujudkan masyarakat makmur, maju dan bersatu-padu dalam era digital, kita perlu memenuhi tuntutan berikut.

Daripada industri Pertama: kita perlukan syarikat yang bukan sahaja mampu bertahan, tetapi perlu berdaya saing. Syarikat tempatan bukan sahaja mampu bersaing antara satu sama lain di dalam negara, tetapi juga mampu bersaing dengan syarikat- syarikat yang terulung di dunia.

Kedua: syarikat bukan sahaja menyediakan perkhidmatan canggih dari segi

teknologi, tetapi mestilah memberi `nilai' atau value kepada semua pelanggan. Syarikat yang prihatin kepada kewajipan sosial dan bukan semata-mata di dorong oleh keuntungan.

Ketiga: kita ingin mewujudkan pasaran yang lebih terbuka dan liberal bagi membolehkan syarikat berdaya saing dan berkembang maju* kita tidak mahu syarikat yang sentiasa bergantung harap kepada kerajaan untuk menjadi penyelamat apabila mereka gagal.

Daripada rakyat pula, kita mengharapkan Pertama: meluaskan fikiran untuk menerima teknologi baru, idea-idea baru, dan mengamalkan etos pekerjaan yang baru.

Kedua: untuk menjayakan proses transformasi negara yang kita maksudkan, kita perlu bersedia berubah dan bersedia mempelajari ilmu dan kemahiran baru sepanjang umur.

Saudara-saudari,

14. Kerajaan telahpun jelas dengan objektif yang ingin dicapai bagi sektor tenaga, komunikasi dan multimedia. Kerajaan akan terus komited untuk mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan. Kita bersedia melakukan apa saja untuk mencapai objektif dan sasaran tersebut, baik dalam bidang pembangunan sumber manusia dan infrastruktur, pertumbuhan dan juga pengagihan.

15. Kerajaan bersedia untuk mempertahankan prinsip-prinsip penswastan yang sewajarnya. Namun, dalam melaksanakan liberalisasi pasaran, kerajaan tidak akan lupa tanggungjawab sosialnya. Kini, sampailah masanya untuk semua syarikat, termasuk syarikat milik kerajaan, bersaing sepenuhnya dalam pasaran yang lebih terbuka dan kompetitif. Pada masa yang sama, kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam menjamin akses perkhidmatan yang samarata melalui program pemberian perkhidmatan sejagat. Ini penting untuk memastikan golongan terpencil dan kurang dijangkau tidak terus terpinggir dalam usaha membawa mereka ke dalam arus perdana pembangunan, termasuk ke arah k-economy.

Saudara-saudari,

16. Saya ingin menggesa kementerian tenaga, komunikasi multimedia, badan-badan berkaitan seperti pusat tenaga malaysia serta suruhanjaya komunikasi dan multimedia, dan juga pihak industri untuk mempergiatkan lagi usaha ke arah mencapai objektif dan sasaran sektor, sambil menyokong matlamat keseluruhan negara.

17. Perkhidmatan sejagat atau universal service, bertujuan untuk meningkatkan kemudahan elektrik, telefon, I.T, internet dan lain-lain kemudahan, mesti menepati social obligation dan tidak hanya mementingkan keuntungan dan sasaran komersil.

18. Salah satu cabaran utama dalam transformasi ke k- economy ialah mengatasi masalah jurang digital atau digital divide, iaitu jurang di antara mereka yang kaya maklumat dan mereka yang miskin maklumat, the information-rich and the information-poor.

19. Jurang ini bukan sahaja wujud di antara negara maju dan negara membangun, tetapi juga di dalam sesebuah negara. Segala usaha untuk mengecilkan jurang digital di antara negara kita dengan negara yang lebih maju hendaklah diteruskan.

20. Dalam mengecapi matlamat mengurangkan jurang digital di Malaysia, kerajaan bersama-sama dengan pihak swasta telah pun berusaha untuk membawa lebih banyak kemudahan komunikasi dan bekalan elektrik kepada rakyat. Umpamanya, bilangan telefon asas bagi setiap 100 penduduk di peringkat kebangsaan pada tahun 1995 adalah 16.6, manakala anggaran untuk 2000 pula adalah 23.3. Dari jumlah ini, kita dapati bahawa angka bagi kawasan luar bandar pada tahun 1995 adalah 7.2, dan anggarannya pada tahun 2000 pula sebanyak 11.7. Jika kita tinjau jumlah telefon awam atau coin-operated payphone bagi setiap 10,000 penduduk, angkanya meningkat dari 20.2 pada tahun 1995, kepada 39.4, iaitu anggaran tahun 2000. Dari segi bekalan elektrik pula, pada masa ini kadar liputan untuk Semenanjung Malaysia ialah 100% manakala kadar liputan bagi Sarawak merangkumi sebanyak 80% dan di Sabah 75%. Ini menunjukkan bahawa kadar liputan bagi seluruh Malaysia ialah 93%. Jika kita lihat kadar penembusan internet di Malaysia sekarang, bilangannya ialah 6 bagi setiap 100 penduduk atau 6%.

21. Walaupun kadar penembusan internet bagi Malaysia ini lebih tinggi daripada purata Asia Pasifik yang kini melepasi 1%, kita harus maklum bahawa Malaysia masih jauh di belakang Singapura yang mempunyai kadar penembusan lebih daripada 30%. Malaysia juga ketinggalan berbanding dengan Hong Kong, Taiwan dan Korea. Sekiranya Malaysia ingin berjaya dalam membentuk suatu ekonomi yang maju, kita haruslah berusaha untuk mengejar jiran-jiran kita ini yang boleh diambil sebagai tanda perbandingan. Jika Malaysia ingin mewujudkan sebuah ekonomi yang bertaraf antarabangsa, kita tidak mampu ditinggalkan di rantau sendiri.

Saudara-saudari,

22. Di Malaysia, jurang digital ini wujud di antara kawasan yang ada kemudahan asas elektrik, talian telefon, komputer dan internet dengan kawasan yang kurang dijangkau atau under-served areas. Kawasan kurang dijangkau ini wujud di bandar dan juga luar bandar, tetapi masalah ini lebih kritikal di kawasan luar bandar. Sebagai salah satu inisiatif menyelesaikan masalah jurang digital, program pusat internet desa yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia amatlah dialu-alukan.

23. Program seperti ini boleh menyedarkan masyarakat desa tentang perlunya celik komputer dalam era digital. Perkhidmatan internet yang disediakan akan memastikan masyarakat desa tidak ketinggalan dari segi akses kepada teknologi komunikasi dan multimedia. Dengan itu, mereka dapat bersama bergerak maju menyertai proses transformasi ke arah masyarakat dan ekonomi berilmu. Kerajaan berazam memastikan tiada golongan yang akan tertinggal atau terpinggir kerana itulah agenda transformasi nasional abad ke 21.

24. Kerajaan tidak mahu pembangunan internet dianggap sebagai satu fenomena elitist dan digunakan hanya oleh penduduk bandar. Kerajaan juga tidak mahu teknologi internet ini menakutkan penduduk di luar bandar, atau dilihat sebagai sesuatu yang susah dipelajari. Dan kerajaan tidak mahu program-program internet yang dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dianggap tidak sesuai untuk kawasan desa.

25. Sebaliknya, kerajaan akan berusaha untuk melaksanakan lebih banyak program seperti program internet desa untuk memperkenalkan teknologi baru ini sebagai teknologi yang relevan bagi pembangunan luar bandar dari segi peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ini akan mewujudkan rakyat yang lebih berkuasa atau empowered citizenry yang boleh menghadapi cabaran-cabaran alaf baru ini.

Saudara-saudari,

26. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia terutamanya atas usaha mereka dalam membangun sektor ICT di Malaysia.

27. Walaupun penswastaaan sektor telekom dan tenaga bermakna struktur Kementerian tidak sebesar dahulu, peranan yang dimainkan oleh Kementerian tetap meningkat.

28. Antara tanggungjawab Kementerian yang amat penting ialah pembangunan sektor ICT di Malaysia dan juga peranan dari segi regulation. Kementerian juga bertanggungjawab untuk mengkaji dan mencadangkan undang-undang seperti pelbagai akta-akta multimedia yang sedang ada yang merupakan undang-undang peneroka atau pioneer legislation di dunia.

29. Saya harap Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia akan terus menjalankan tugasnya dengan proaktif, efisien dan menimbang matlamat sosio-ekonomi negara.

30. Dengan kata-kata itu saya sukacita melancarkan dengan rasmi projek pusat internet desa.

31. Mudah-mudahan, matlamat projek ini dapat dicapai.

Terima kasih.